

### Rancangan Pengajaran Harian (RPH) Prinsip Perakaunan Tingkatan 5

|                                                 |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                         |               |
|-------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------|
| <b>MATA PELAJARAN</b>                           | Prinsip Perakaunan Tingkatan 5                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                          | <b>KELAS:</b> |
| <b>TARIKH/HARI/MASA</b>                         |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                         |               |
| <b>TAJUK</b>                                    | Analisis dan Tafsiran Penyata Kewangan untuk Membuat Keputusan                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                          |               |
| <b>STANDARD KANDUNGAN</b>                       | 10.1 Analisis Penyata Kewangan dan Perbandingan Prestasi                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                |               |
| <b>STANDARD PEMBELAJARAN</b>                    | 10.1.1 Menerangkan:<br>(i) tujuan Analisis Penyata Kewangan<br>(ii) jenis nisbah dalam Analisis Penyata Kewangan<br>10.1.2 Mengira dan mentafsir Nisbah Keberuntungan:<br>(i) Peratus Untung Kasar atas Kos Jualan (Tokokan)<br>(ii) Peratus Untung Kasar atas Jualan / Margin Untung Kasar<br>(iii) Peratus Untung Bersih atas Jualan / Margin Untung Bersih<br>(iv) Pulangan atas Modal                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                               |               |
| <b>OBJEKTIF PEMBELAJARAN/ KRITERIA KEJAYAAN</b> | Pada akhir pengajaran dan pembelajaran, murid dapat <ul style="list-style-type: none"> <li>• Menerangkan:<br/>                             (i) tujuan Analisis Penyata Kewangan<br/>                             (ii) jenis nisbah dalam Analisis Penyata Kewangan</li> <li>• Mengira dan mentafsir Nisbah Keberuntungan</li> </ul>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                     |               |
| <b>BAHAN</b>                                    | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Buku Teks Prinsip Perakaunan Tingkatan 5</li> <li>• Slaid PowerPoint PdPc Interaktif Prinsip Perakaunan Tingkatan 5</li> <li>• PBD Plus Prinsip Perakaunan Tingkatan 5</li> </ul>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                              |               |
| <b>MASA</b>                                     | <b>AKTIVITI PdPc</b>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                    |               |
| 30 minit                                        | <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Guru menerangkan tujuan Analisis Penyata Kewangan.</li> <li>2. Guru menerangkan jenis-jenis nisbah yang digunakan untuk membuat Analisis Penyata Kewangan.</li> <li>3. Guru menerangkan cara pengiraan dan mentafsir jenis-jenis Nisbah Keberuntungan.</li> </ol>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                             |               |
| 20 minit                                        | <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Guru menyediakan kad-kad yang ditulis dengan setiap jenis nisbah yang boleh dihitung dalam Penyata Kewangan dan letakkannya dalam satu kotak.</li> <li>2. Guru menampal satu kad Manila yang dilukis peta minda untuk tiga kategori nisbah di papan hitam.</li> <li>3. Murid dibahagikan kepada tiga kumpulan dan setiap kumpulan duduk dalam satu bulatan.</li> <li>4. Guru memberi setiap kumpulan sebiji bola dan guru akan mula memainkan muzik.</li> <li>5. Apabila muzik dihentikan, murid yang memegang bola akan mencabut satu kad daripada kotak.</li> <li>6. Ketiga-tiga murid akan menampal kad mereka di tempat yang sesuai di kad Manila.</li> <li>7. Jawapan yang betul diberi dua markah dan yang salah ditolak satu markah.</li> <li>8. Bagi murid yang tidak dapat menjawab soalan, satu talian hayat dibenarkan.</li> <li>9. Proses diulangi sehingga semua kad dalam kotak digunakan dan peta minda di kad Manila lengkap.</li> <li>10. Kumpulan yang mendapat jumlah markah yang lebih menang.</li> </ol> |               |

## Rancangan Pengajaran Harian (RPH) Prinsip Perakaunan Tingkatan 5

|                                                           |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                           |
|-----------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 10 minit                                                  | <p><b>Rumusan</b></p> <ul style="list-style-type: none"><li>• Tujuan analisis Penyata Kewangan dijalankan adalah:<ul style="list-style-type: none"><li>○ Membolehkan pihak pengurusan mengawal dan merancang aktiviti perniagaan dengan lebih cekap</li><li>○ Membantu pihak bank membuat keputusan tentang kemudahan kredit</li><li>○ Membantu pihak pelabur membuat keputusan yang berkaitan dengan pelaburan</li><li>○ Membolehkan pihak pemiutang menilai kemampuan perniagaan membayar balik hutang</li></ul></li><li>• Penyata Kewangan boleh dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis nisbah.</li><li>• Nisbah yang boleh dihitung daripada Penyata Kewangan adalah nisbah keberuntungan, nisbah kecairan dan nisbah kecekapan.</li><li>• Nisbah keberuntungan mengukur kemampuan perniagaan untuk memperoleh keuntungan.</li><li>• Nisbah keberuntungan yang utama ialah peratus untung kasar atas kos jualan (tokokan), peratus untung kasar atas jualan (margin untung kasar), peratus untung bersih atas jualan (margin untung bersih) dan pulangan atas modal.</li></ul> |
| <b>PENTAKSIRAN</b>                                        |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                           |
| PBD Plus Prinsip Perakaunan Tingkatan 5, muka surat 2 - 3 |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                           |

### Rancangan Pengajaran Harian (RPH) Prinsip Perakaunan Tingkatan 5

|                                                           |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                               |                                                                                                                                                                                                                                                    |        |
|-----------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------|
| MATA PELAJARAN                                            |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                               | Prinsip Perakaunan Tingkatan 5                                                                                                                                                                                                                     | KELAS: |
| TARIKH/HARI/MASA                                          |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                               |                                                                                                                                                                                                                                                    |        |
| TAJUK                                                     |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                               | Analisis dan Tafsiran Penyata Kewangan untuk Membuat Keputusan                                                                                                                                                                                     |        |
| STANDARD KANDUNGAN                                        |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                               | 10.1 Analisis Penyata Kewangan dan Perbandingan Prestasi                                                                                                                                                                                           |        |
| STANDARD PEMBELAJARAN                                     |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                               | 10.1.3 Mengira dan mentafsir Nisbah Kecairan:<br>(i) Nisbah Semasa<br>(ii) Nisbah Ujian Asid<br>10.1.4 Mengira dan mentafsir Nisbah Kecekapan:<br>(i) Kadar Pusing Ganti Inventori<br>(ii) Tempoh Kutipan Hutang<br>(iii) Tempoh Pembayaran Hutang |        |
| OBJEKTIF PEMBELAJARAN/<br>KRITERIA KEJAYAAN               |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                               | Pada akhir pengajaran dan pembelajaran, murid dapat <ul style="list-style-type: none"><li>• Mengira dan mentafsir Nisbah Kecairan</li><li>• Mengira dan mentafsir Nisbah Kecekapan</li></ul>                                                       |        |
| BAHAN                                                     |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                               | <ul style="list-style-type: none"><li>• Buku Teks Prinsip Perakaunan Tingkatan 5</li><li>• Slaid PowerPoint PdPc Interaktif Prinsip Perakaunan Tingkatan 5</li><li>• PBD Plus Prinsip Perakaunan Tingkatan 5</li></ul>                             |        |
| MASA                                                      | AKTIVITI PdPc                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                 |                                                                                                                                                                                                                                                    |        |
| 25 minit                                                  | 1. Guru menerangkan cara mengira dan mentafsir Nisbah Kecairan dan Nisbah Kecekapan.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                          |                                                                                                                                                                                                                                                    |        |
| 20 minit                                                  | 1. Murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan dan setiap kumpulan mempunyai empat orang ahli.<br>2. Setiap kumpulan perlu mencari penyata kewangan dua buah syarikat di atas talian.<br>3. Dalam kumpulan, murid membincangkan maklumat yang berkaitan dengan Nisbah Keberuntungan, Nisbah Kecairan dan Nisbah Kecekapan.<br>4. Setiap kumpulan mempersembahkan hasil perbincangan di dalam kelas.<br>5. Peta minda ditampal di dalam kelas untuk dilihat oleh kumpulan lain. |                                                                                                                                                                                                                                                    |        |
| 15 minit                                                  | <b>Rumusan</b> <ul style="list-style-type: none"><li>• Nisbah Kecairan digunakan untuk mengukur keupayaan perniagaan dalam membuat pelbagai jenis pembayaran kepada pemiutang dan pinjaman bank.</li><li>• Nisbah Kecairan boleh menunjukkan keadaan mampu bayar sesebuah perniagaan.</li><li>• Nisbah Kecekapan digunakan untuk mengukur kecekapan pengurusan perniagaan.</li></ul>                                                                                          |                                                                                                                                                                                                                                                    |        |
| PENTAKSIRAN                                               |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                               |                                                                                                                                                                                                                                                    |        |
| PBD Plus Prinsip Perakaunan Tingkatan 5, muka surat 4 - 6 |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                               |                                                                                                                                                                                                                                                    |        |

### Rancangan Pengajaran Harian (RPH) Prinsip Perakaunan Tingkatan 5

|                                                 |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                   |               |
|-------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------|
| <b>MATA PELAJARAN</b>                           | Prinsip Perakaunan Tingkatan 5                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                    | <b>KELAS:</b> |
| <b>TARIKH/HARI/MASA</b>                         |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                   |               |
| <b>TAJUK</b>                                    | Analisis dan Tafsiran Penyata Kewangan untuk Membuat Keputusan                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                    |               |
| <b>STANDARD KANDUNGAN</b>                       | 10.1 Analisis Penyata Kewangan dan Perbandingan Prestasi                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                          |               |
| <b>STANDARD PEMBELAJARAN</b>                    | 10.1.5 Mengira dan mentafsir setiap nisbah dengan menghubungkan kait prestasi yang hendak diukur berdasarkan kes.<br>10.1.6 Membanding prestasi:<br>(i) perniagaan bagi tahun perakaunan semasa dan antara tempoh perakaunan<br>(ii) antara perniagaan dalam industri yang sama<br>10.1.7 Merumuskan dapatan analisis dan mencadangkan cara meningkatkan prestasi perniagaan berdasarkan pencapaian tahun perakaunan semasa dan antara tempoh perakaunan.<br>10.1.8 Merumuskan dapatan analisis dan memilih perniagaan berdasarkan prestasi.                                                                                                                                                                                                                                      |               |
| <b>OBJEKTIF PEMBELAJARAN/ KRITERIA KEJAYAAN</b> | Pada akhir pengajaran dan pembelajaran, murid dapat <ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengira dan mentafsir setiap nisbah</li> <li>• Membanding prestasi:<br/>                             (i) perniagaan bagi tahun perakaunan semasa dan antara tempoh perakaunan<br/>                             (ii) antara perniagaan dalam industri yang sama</li> <li>• Merumuskan dapatan analisis dan mencadangkan cara meningkatkan prestasi perniagaan berdasarkan pencapaian</li> <li>• Merumuskan dapatan analisis dan memilih perniagaan berdasarkan prestasi</li> </ul>                                                                                                                                                                                                    |               |
| <b>BAHAN</b>                                    | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Buku Teks Prinsip Perakaunan Tingkatan 5</li> <li>• Slaid PowerPoint PdPc Interaktif Prinsip Perakaunan Tingkatan 5</li> <li>• PBD Plus Prinsip Perakaunan Tingkatan 5</li> </ul>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                        |               |
| <b>MASA</b>                                     | <b>AKTIVITI PdPc</b>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                              |               |
| 10 minit                                        | 1. Guru mengulangkaji jenis-jenis nisbah analisis Penyata Kewangan dengan murid.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                  |               |
| 40 minit                                        | 1. Murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan dan setiap kumpulan mempunyai enam orang ahli.<br>2. Setiap kumpulan diberi Penyata Kewangan dua syarikat bagi dua tahun berturut-turut.<br>3. Setiap kumpulan dibahagikan kepada tiga pasangan murid.<br>4. Setiap pasangan mempunyai peranan berikut:<br>Pasangan 1: Kira dan tafsir Nisbah Keberuntungan<br>Pasangan 2: Kira dan tafsir Nisbah Kecairan<br>Pasangan 3: Kira dan tafsir Nisbah Kecekapan<br>5. Setiap kumpulan akan berbincang dan merumuskan dapatan analisis.<br>6. Setelah tamat tempoh perbincangan:<br>Pasangan 1: Kemukakan dapatan analisis<br>Pasangan 2: Sarankan syarikat yang lebih baik untuk membuat pelaburan<br>Pasangan 3: Jadi 'pakar' dan jawab soalan-soalan yang dilontarkan oleh murid lain. |               |

## Rancangan Pengajaran Harian (RPH) Prinsip Perakaunan Tingkatan 5

|                                                            |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                 |
|------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 10 minit                                                   | <p><b>Rumusan</b></p> <ul style="list-style-type: none"><li>• Maklumat yang diperoleh daripada analisis Penyata Kewangan hanya bermakna apabila nisbah-nisbah tersebut dibandingkan.</li><li>• Nisbah-nisbah boleh digunakan untuk membuat dua jenis perbandingan, iaitu:<ul style="list-style-type: none"><li>○ Membandingkan dua tempoh masa yang berlainan</li><li>○ Membandingkan sebuah firma dengan firma yang lain dalam industri yang sama</li></ul></li><li>• Perbandingan nisbah kewangan antara tempoh perakaunan membolehkan perniagaan mengetahui sama ada prestasi perniagaan menunjukkan kemajuan, kestabilan atau kemerosotan.</li><li>• Perbandingan nisbah kewangan antara firma yang berlainan dalam industri yang sama membolehkan perniagaan mengetahui kedudukan sesuatu firma.</li></ul> |
| <b>PENTAKSIRAN</b>                                         |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                 |
| PBD Plus Prinsip Perakaunan Tingkatan 5, muka surat 9 - 10 |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                 |